

**PERBINCANGAN  
MEJA BULAT**

**OKTOBER  
2024**

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG  
KELUARGA ISLAM NEGERI SELANGOR**

**“MEMBENTERAS ISU NIKAH SINDIKET:  
POLIGAMI TANPA KEBENARAN”**



WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.



Laporan ini disediakan oleh Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Dasar, Wanita Berdaya Selangor (WBS). Kami menghargai segala input dan maklum balas yang diberikan sepanjang sesi perbincangan meja bulat dijalankan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pemegang taruh yang hadir ke Perbincangan Meja Bulat yang terdiri daripada YB Puan Anfaal Saari, YB Tuan Dr Fahmi Bin Ngah, wakil-wakil Pejabat EXCO, Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Ahli Akademik dan Badan Pemikir, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) & Masyarakat Sipil dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berkaitan

## MENGENAI WBS

Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor menerusi tiga (3) teras utama iaitu Pembangunan Dasar dan Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembangunan Kapasiti. WBS juga merupakan anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan bertindak sebagai badan pelaksana inisiatif dan program pemberdayaan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor.

Copyright© 2024 oleh

**Wanita Berdaya Selangor (WBS) Sdn. Bhd. (1400807-V)**

IDCC Ideal Convention Centre Shah Alam Ground Floor,  
Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang WBS di  
[www.wbselangor.org.my](http://www.wbselangor.org.my) atau 03-5545 4879



## ISI KANDUNGAN

Pendahuluan....	03 - 04
Ucapan Alu-Aluan....	05 - 09
YB Puan Anfaal Binti Saari	
YB Tuan Dr Mohammad Fahmi Bin Ngah	
Perbincangan Meja Bulat....	10 - 18
Pembentangan Resolusi Dan Penutup....	19 - 20

## PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan bagi mengumpul segala cadangan, sumbangsaran dan resolusi dalam satu dokumen untuk rujukan semua pihak berkepentingan, justeru satu perbincangan meja bulat (*Roundtable Discussion - RTD*) telah dilaksanakan oleh Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Dasar (JPPD), Wanita Berdaya Selangor (WBS) Sdn. Bhd pada 9 September 2024, Isnin.

Merujuk kepada intipati kenyataan di Sidang DUN Selangor baru-baru ini, EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi Negeri, YB Tuan Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) sedang mengkaji pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dengan menekankan langkah-langkah yang lebih efektif dalam menangani isu seperti nikah sindiket di mana hukuman berat kepada pesalah termasuk yang bersubahat. Selain daripada peruntukan yang sesuai bagi menggerakkan pelaksanaan undang-undang ini. Nikah sindiket merujuk kepada perkahwinan yang berlaku di luar negara tanpa pendaftaran sah di kedutaan, dan ini membawa kepada ketiadaan surat perakuan nikah yang sah (Siti Aishah Borhanuddin et al., 2023).

Walaupun tiada peruntukan khusus dalam enakmen pada masa ini, penguatkuasaan di bawah Seksyen 124 Berpoligami Tanpa Kebenaran Mahkamah dan Seksyen 40 (2) Kesalahan Akad Nikah Perkahwinan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 digunakan untuk menangani kesalahan ini. Ini termasuk hukuman sebanyak RM1,000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan. Polemik kepada perkahwinan tanpa kebenaran merupakan masalah sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan ini dapat diperhatikan melalui peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran yang berfokus di negeri negeri bersempadan dengan Thailand seperti Perlis, Kelantan dan Kedah.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) merekodkan sebanyak 571 kes pernikahan menyalahi Undang-Undang Syariah melibatkan penggunaan sindiket tidak bertauliah di dalam dan luar negara pada tahun 2022. Selain daripada itu, bersikap sambil lewa berhubung Undang-Undang keluarga Islam ini juga turut menunjukkan 52 kes sindiket nikah setakat Julai 2024. Oleh yang demikian, isu sindiket nikah atau nikah tanpa kebenaran ini jika tidak dibendung ianya akan menjadi barah dalam kalangan masyarakat, malahan lebih parah golongan rentan seperti wanita yang akan dibelenggu nasib malang jika melibatkan isu pemberian nafkah dan hak penjagaan anak yang terabai jika berlaku penceraian.

Justeru, bagi memastikan kesejahteraan institusi keluarga terutamanya golongan wanita dan kanak-kanak perempuan di negeri Selangor terus terpelihara dengan baik, maka satu Perbincangan Meja Bulat (*Roundtable Discussion-RTD*) bersama pemegang taruh diadakan sebagai medium untuk membincangkan isu dan cabaran berkenaan permasalahan yang melibatkan Undang-Undang syariah dalam kalangan keluarga di negeri Selangor. Selain dari itu, RTD ini juga bertujuan untuk mendapatkan input dan sumbangsaran serta cadangan penambahbaikan oleh pemegang taruh ke arah kelestarian keluarga yang sejahtera.

## OBJEKTIF PERBINCANGAN MEJA BULAT (RTD)



Sebagai platform pemegang taruh dan pihak berkepentingan mengutarakan cadangan, sumbangsaran serta pendekatan atau praktis yang efektif kepada Kerajaan Negeri untuk penambahbaikan perundangan keluarga Islam yang sedia ada khususnya untuk golongan wanita di Selangor.



Menyediakan ruang perbincangan idea dan perkongsian maklumat bagi pemegang taruh berkenaan pemeraksanaan hal ehwal berkaitan undang-undang keluarga Islam di negeri Selangor.



Usaha untuk menumpukan kepada penambahbaikan teknikal pentadbiran bagi mempercepatkan proses perundangan yang turut mengambilkira komen orang awam dan seterusnya isu-isu semasa berkaitan



## UCAPAN ALU-ALUAN YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI

Ucapan Alu-Aluan yang telah disampaikan oleh **YB Puan Anfaal Binti Saari**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor. Dalam ucapan pembukaan tersebut, beliau menerangkan peranan signifikan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) sebagai badan pelaksana dasar-dasar di negeri Selangor dan mengemudi apa sahaja agenda kerajaan negeri khususnya berkaitan Dasar & Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024 -

2026 yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari untuk kesejahteraan rakyat Selangor. Justeru, perbincangan yang lebih aktif perlu diadakan bagi menangani perkara-perkara yang berlaku secara organik yang memerlukan intervensi pihak berwajib khususnya untuk menambahbaik dasar yang memperjuangkan hak wanita dan keluarga.

Beliau memetik kenyataan rasmi di Sidang DUN Selangor baru-baru ini yang disampaikan oleh **YB Tuan Dr Mohammad Fahmi Bin Ngah** berkata Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) sedang mengkaji pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dengan menekankan langkah-langkah yang lebih efektif dalam menangani isu seperti nikah sindiket di mana pembelaan hak wanita serta anak-anak bukan suatu gurauan tetapi penekanan tanggungjawab yang harus dipikul bersama.

Justeru, semua pemegang taruh diseru agar menangani isu ini dengan lebih serius dalam mencapai matlamat negeri Selangor merupakan negeri yang progresif, mengetengahkan masyarakat penyayang serta usaha kerajaan negeri ini haruslah diteladani oleh semua pihak. Dalam pada itu, YB Puan Anfaal turut meraikan penglibatan perbincangan kali ini dalam kalangan NGO kerana pengalaman mereka berurusan terus menangani permasalahan di akar umbi termasuklah kes-kes mahkamah.

Bagi mengemudi perbincangan dalam topik kali ini dibahagikan kepada dua terma rujukan iaitu **membanteras nikah sindiket dan poligami tanpa kebenaran**. Sebagai tambahan, YB Puan Anfaal turut menyampaikan "*Wishlist*" daripada Menteri Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, YB Nancy Shukri, bagi Bajet 2025 berkenaan

dengan tabung pemberian nafkah isteri yang telah diceraikan. Oleh itu dana tersebut sekiranya diwujudkan oleh kerajaan Persekutuan maka ramai wanita yang ditindas oleh pasangan yang culas membayar nafkah mendapat pembelaan sewajarnya. Oleh yang demikian, perbincangan kali ini merentasi dua perkara yang memerlukan sudut pandang dan hujahan berkaitan isu-isu yang timbul, serta mengalu-alukan penglibatan perbincangan yang aktif daripada pengamal undang-undang, pemegang taruh yang berada di kerja lapangan dan khususnya **JAKESS** untuk membantu pemahaman berkenaan topik perbincangan dengan lebih jelas lagi.

Justeru, adalah diharapkan perbincangan meja bulat kali ini membuah hasil dengan objektif utamanya membincangkan secara tuntas serta mendapatkan maklum balas berkenaan **i) Nikah Sindiket, dan ii) Poligami tanpa kebenaran**, melalui hasil perbincangan ini maka dapat membantu pihak YB Exco Agama untuk berbincang dengan JAIS dalam menangani dua isu yang sangat signifikan ini.

Dengan itu, sebagai pembuat dasar diharapkan dasar ini kelak memberikan pembelaan yang dapat dimanfaatkan oleh golongan-golongan yang ditindas dan kurang bernasib.





## UCAPAN ALU-ALUAN YB TUAN DR. FAHMI BIN NGAH

**YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam telah menyampaikan beberapa pandangan dan fakta beliau berkenaan topik perbincangan meja bulat pada kali ini. Sebelum itu, YB Tuan Dr Fahmi berpendapat bahawa program-program yang dilaksanakan oleh YB Puan Anfaal adalah bercorak ilmiah dan bersifat

kritis dengan mengangkat isu-isu terkini yang sangat signifikan untuk dibawa ke peringkat pembuatan dasar. Oleh itu, beliau menekankan bahawa sebagai pembuat dasar di peringkat kerajaan negeri adalah penting untuk kita mengambil peranan dalam fungsi dan tugas untuk membela nasib golongan yang kurang bernasib baik. Dalam ucapannya, YB Tuan Dr Fahmi memfokuskan topik perbincangan nikah sindiket dan poligami tanpa kebenaran ini hendaklah mengutamakan dua teras iaitu **i) Rasional** dan **ii) Praktikal**. Selain itu, perbincangan bagi topik ini perlu dihadkan kepada **i) Nikah Sindiket**, dan **ii) Poligami tanpa kebenaran** agar hasil perbincangan adalah berfokus dan berkesan.

Tidak dinafikan bahawa hak wanita dan kanak-kanak ini perlu dijaga dengan baik tanpa mengenyepikan keseimbangan keperluan kaum lelaki yang turut sama penting. Justeru, diharap agar permasalahan nikah sindiket ini mendapat kata putus dalam perbincangan kali ini dengan mengambil kira akta undang-undang sedia ada yang memerlukan pemerkasaan dan penambahbaikan. Maka, beliau menambah fokus perbincangan dengan menyatakan kedudukan dasar kerajaan negeri Selangor dalam konteks permasalahan yang melibatkan elemen-elemen agama, kemanusiaan, dan dasar wanita. Seterusnya saranan beliau untuk secara terbuka mengambil perspektif daripada negara-negara bukan Islam di mana dasar kebajikan kanak-kanaknya yang sangat berkualiti tinggi.

Namun begitu, kadang kala turut menimbulkan percanggahan pendapat dari sudut agama, walaubagaimanapun menurut YB Dr Fahmi, jika ianya praktikal mengapa tidak diambil sebagai contoh untuk memperkasakan lagi dasar di negeri ini sekiranya wujud jurang kesukaran untuk membela nasib golongan yang ditindas. Kesimpulannya, berdasarkan penerangan YB Dr Fahmi yang merujuk kepada dua teras pada pembukaan ucapan beliau yang memfokuskan Rasional dan Praktikal apabila membincangkan pembuatan atau penambahbaikan suatu dasar.

Berkenaan dengan isu nafkah pula, di mana di bawah negeri Selangor diwujudkan suatu inisiatif iaitu sokongan keluarga dibawah MAIS dengan peruntukan 10 juta yang bertujuan untuk menyokong isi rumah yang terkesan dengan permasalahan isu penceraian sehingga perintah mahkamah dikeluarkan. Seterusnya berkenaan penguatkuasaan undang-undang ini yang amat memerlukan cadangan-cadangan bernas daripada semua pemegang taruh. Misalnya dengan kerjasama dari pihak JAIS yang telah menjalankan pemantauan di negeri jiran seperti Thailand berkenaan nikah sindiket. Pemantauan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pusat-pusat yang menjadi tumpuan pernikahan ini dijalankan. Dalam pada itu, beliau turut berkata penyelidikan berkaitan isu ini sedang giat dilaksanakan. Seterusnya, memperkasakan lagi pemahaman setiap individu tentang tanggungjawab apabila berniat untuk mendirikan rumah tangga. YB Dr Fahmi turut menegaskan bahawa penceraian kerap berlaku dibawah usia perkahwinan 5 tahun menurut statistik justeru, persediaan untuk memasuki alam perkahwinan adalah sangat penting untuk diutamakan.

Dalam pada itu, beliau turut menyebut berkenaan kesalahan perkahwinan yang tidak sah dan orang ramai boleh membuat laporan kepada pendaftar dibawah seksyen 27. Seterusnya, dibawah seksyen 39 merujuk kepada bagi sesiapa yang tidak bertauliah (berkelayakan) samada tidak mempunyai kuasa atau diberikan kuasa untuk mengkad nikahkan suatu perkahwinan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 dan penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Namun, YB Tuan Dr Fahmi berpendapat bahawa kadar denda RM1,000 ini masih pada kadar yang agak rendah. Manakala, bagi seksyen 40 pula, berkenaan dengan akad nikah yang saksinya tidak mencukupi dan juga tidak mempunyai kebenaran berkahwin. Bagi seksyen 23 menyebut bahawa poligami hanya dibenarkan sekiranya telah dikemukakan kepada mahkamah syariah yang merujuk kepada makluman kepada isteri yang sedia ada tanpa memerlukan persetujuan isteri tersebut. Seterusnya, seksyen 24 (1) menyebut bahawa pernikahan boleh dikad nikahkan di kedutaan suruhanjaya tinggi atau di pejabat konsul Malaysia. Berikutan pernikahan yang dijalankan di Thailand, terdapat pasangan yang tidak berjumpa dengan pihak konsul Malaysia di Thailand namun sebaliknya berlaku dimana pasangan-pasangan ini memilih agensi yang mana akhirnya menimbulkan banyak masalah. Seterusnya seksyen 31, mana-mana perkahwinan diluar negeri Selangor mesti didaftarkan dalam tempoh 6 bulan di negeri Selangor. Selepas daripada tempoh ini masih boleh didaftarkan namun akan dikenakan penalti. Berkenaan poligami pula 23 (10) (b) hak isteri untuk mendapatkan harta sepencarian.

Sebagai penutup, berikut merupakan ucapan alu-aluan YB Tuan Dr Fahmi yang meliputi beberapa seksyen bagi topik nikah sindiket, poligami tanpa kebenaran dan terdapat pertambahan penerangan berkenaan nafkah. Justeru, undang-undang yang sedia ada ini masih memerlukan maklum balas dan penambahbaikan serta beliau berharap agar perbincangan kali ini bersama semua pemegang taruh yang terlibat dapat merungkai sebarang kekusutan dalam menangani isu nikah sindiket dan poligami tanpa kebenaran ini.

## PERBINCANGAN MEJA BULAT



Perbincangan dimulakan dengan membuka ruang kepada semua pemegang taruh untuk memberikan perkongsian mengenai kerja yang dijalankan di organisasi masing masing. Terdapat beberapa perkongsian yang dapat disimpulkan melalui perbincangan meja bulat yang telah diadakan ini. Pihak-pihak berkepentingan juga ada membahaskan beberapa perkara penting agar dapat dijadikan sebagai cadangan penambahbaikan sekiranya RUU Enakmen

Keluarga Syariah dibentangkan pada masa akan datang nanti. Antara intipati perbincangan adalah seperti berikut;

### PEMAHAMAN LEBIH MENDALAM TERHADAP KONSEP POLIGINI, POLIGAMI DAN POLIANDRE

Seperti yang diterangkan oleh Datuk Dr Harlina berkenaan betapa penting untuk memahami topik hari ini dari segi definisi dan penerangan setiap terminologi ini agar perbincangan lebih berkesan dan efisien. Pemahaman dari aspek konsep penting agar salah tanggapan terhadap agama Islam itu sendiri dapat dikekang. Konsep konsep yang disebutkan oleh Datuk Dr Harlina ini adalah diamalkan di negara-negara luar, misalnya Poliandre yang diamalkan oleh masyarakat negara Tibet. Namun pada masa kini, poligami dilihat serong oleh kebanyakan masyarakat kerana kurang pemahaman terhadap tujuan asal untuk berpoligami. Poligami juga melibatkan banyak "layer" yang semua orang perlu ambil perhatian.



### TEMPOH PROSES PENCERAIAN YANG SINGKAT

Menurut YB Puan Anfaal di mana beliau mengiktiraf peranan JAKESS yang komited dalam membantu masyarakat terlibat dengan beberapa kes yang disegerakan prosesnya seperti contoh kes penceraian yang umumnya mengambil waktu yang sangat lama. Namun, usaha daripada pihak JAKESS yang memudahkan proses dan urusan pasangan yang bercerai patut dihargai agar masyarakat kini tidak bermula daripada "zero" memandangkan terdapatnya kemajuan sedia ada yang telah ditambahbaik. Penghargaan tersebut disambut baik oleh pegawai JAKESS dan menerangkan bahawa sebarang kes penceraian hendaklah diselesaikan dalam tempoh 6 bulan

seperti pada hari yang sama juga pasangan bercerai mendapat "surat perintah cerai" atau suatu proses yang beliau katakan sebagai proses penceraian *fasttrack*. Seterusnya penerangan mengenai Cerai "Hakam" yang merujuk kepada salah seorang pasangan tidak bersetuju untuk bercerai dan kes seperti ini pula harus diselesaikan dalam tempoh 3 bulan. "Hakam" dalam konteks ini merujuk kepada lantikan orang luar sebagai orang tengah untuk menyelesaikan kemelut rumah tangga tersebut. Seterusnya, "Hakam Wajib" iaitu meminta persetujuan suami untuk menceraikan pasangan tersebut walaupun si suami tidak bersetuju ini juga bagi kes yang mana pasangan tersebut tidak mencapai kata sepakat untuk terus hidup bersama. Terdapat juga kes tuntutan nafkah bagi isteri yang dimadukan oleh pasangannya diluar pengetahuan maka isteri ini boleh menuntut hak daripada hakim mahkamah atas faktor suami berkahwin tanpa kebenaran. Namun begitu, terdapat jurang dari aspek nafkah di mana terdapat golongan suami yang bekerja sendiri dan apa solusi terbaik untuk pemotongan nafkah itu dilakukan agar nasib para isteri terbelah.

### ISU HAK PENJAGAAN ANAK DAN PENGABAIAN ANAK

Isu hak penjagaan anak yang muncul akibat penceraian sering kali membawa kepada situasi pengabaian, di mana salah satu pihak mungkin tidak memenuhi tanggungjawab terhadap penjagaan anak-anak. Ini menuntut keperluan untuk memperkukuhkan mekanisme undang-undang yang melindungi hak kanak-kanak, dengan memberi penekanan kepada kepentingan dan kesejahteraan anak sebagai kepentingan utama, serta memastikan bahawa keputusan berkaitan penjagaan diambil kira dengan teliti dan berdasarkan kepada bukti yang kukuh. Justeru, apabila berlaku penceraian wanita dan anak-anak perlu dilindungi tanpa berkompromi kerana wanita dan kanak-kanak merupakan golongan rentan yang acapkali menjadi mangsa ketidakadilan dari aspek undang-undang. Itu belum termasuk prosidur proses penceraian yang rumit di mana ramai wanita malang yang tercicir untuk menerima pembelaan yang sewajarnya. Oleh demikian, undang-undang sedia ada perlu dikaji semula jika benar terdapat jurang yang perlu diisi agar matlamat perbincangan meja bulat ini membuah hasil yang bermakna untuk digunapakai pada masa hadapan.

### MEMPERCEPATKAN PROSES PENCERAIAN YANG MELIBATKAN DOKUMENTASI

Seperti yang diutarakan oleh Presiden WITUS di mana beliau menyentuh proses penceraian yang agak rumit selain proses dokumentasi yang berbayar dan perlu pula membelanjakan sejumlah wang sebagai duit "roti canai" bagi memudahkan urusan penceraian. Beliau turut menegaskan agar kes penceraian yang didaftarkan bagi mana-mana wanita hendaklah mahkamah secara direct pada hari yang sama terima untuk nafkah ini bagi memudahkan wanita menuntut hak mereka.

Dalam pada itu, proses penceraian yang melibatkan pelbagai prosedur seperti jawatankuasa pendamai yang mengambil masa selama tiga bulan dan hakim yang memerlukan enam bulan sering kali menjadi sumber tekanan emosi yang berat bagi pasangan yang terlibat, di mana mereka mungkin berhadapan dengan konflik dan ketidakpastian yang berpanjangan. Dengan mempercepatkan proses ini, kita bukan sahaja dapat memberikan kelegaan kepada pasangan, tetapi juga mempercepatkan penyelesaian isu-isu lain yang berkaitan, seperti hak penjagaan dan nafkah, sehingga individu dapat meneruskan hidup mereka dengan lebih baik.

### PROSES NAFKAH SELEPAS PENCERAIAN

Proses mendapatkan nafkah selepas penceraian sering kali boleh menjadi satu pengalaman yang rumit dan menyakitkan, terutamanya bagi individu yang bergantung kepada nafkah untuk menyara kehidupan harian mereka dan anak-anak. Dengan mempercepatkan urusan berkaitan nafkah, kita dapat membantu individu yang terkesan mendapatkan sokongan kewangan yang mereka perlukan dengan segera, sekaligus mengurangkan beban psikologi dan kewangan yang mungkin mereka hadapi akibat perceraian.

### KOMPAUN UNTUK PERNIKAHAN YANG BERLAKU DI LUAR NEGARA

Mengikut pendapat En. Musa Awang daripada Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) berpendapat bahawa dengan menurunkan kadar kompaun bagi pasangan yang berkahwin di luar negara adalah langkah strategik yang dapat menggalakkan lebih ramai individu untuk mendaftar pernikahan mereka secara sah, yang seterusnya membantu dalam mengawal dan meregulasikan pernikahan tersebut. Dengan pengawalan yang lebih baik, pihak berkuasa dapat memastikan bahawa pasangan tersebut memahami dan mematuhi undang-undang yang sedia ada, serta melindungi hak-hak mereka di bawah undang-undang negara. Namun begitu terdapat pandangan yang tidak bersetuju daripada pemegang taruh yang lain jika kadar kompaun yang sedia ada itu diturunkan. Ini kerana pada dasarnya undang undang digubal adalah untuk memberi pengajaran kepada yang membuat kesalahan dan mereka ini perlu didenda

atau dihukum sesuai dengan bentuk kesalahan mereka. Justeru, kompaun yang sedia ada perlu dikekalkan malah jika mendapat persetujuan ramai, maka dinaikkan kadar kompaun tersebut adalah lebih baik agar masyarakat tidak sewenang-wenangnya melanggar sebarang undang-undang keluarga Islam. Sebagai tambahan dan merujuk kepada ucapan YB Tuan Dr Fahmi juga turut berpendapat bahawa kadar denda sedia ada adalah pada tahap yang rendah.



## KESEDARAN DAN ADVOKASI ISU NIKAH SINDIKET

Kerjasama dengan NGO dalam meningkatkan kesedaran mengenai isu nikah sindiket adalah amat penting kerana mereka mempunyai akses kepada masyarakat di akar umbi. Dengan adanya akses langsung kepada akar umbi usaha untuk memberikan pendidikan mengenai literasi undang-undang berkaitan pernikahan yang sah dapat dijalankan dengan mudah. Melalui inisiatif ini, individu akan lebih memahami risiko dan implikasi undang-undang pernikahan tanpa kebenaran, serta bagaimana untuk melindungi diri mereka daripada terjebak dalam fenomena yang tidak diinginkan.




## MEMBANGUNKAN DATA STATISTIK YANG HOLISTIK

Seperti yang dibangkitkan oleh badan bukan Kerajaan (NGO) berkenaan jika terdapat statistik yang menunjukkan berapa ramai yang berkahwin diluar Malaysia, turut terdapat jurang kepada jumlah yang tepat jika terdapat pasangan yang tidak mendaftarkan perkahwinan. Turut dibangkitkan jika peningkatan dari segi statistik samada meningkat atau menurun. Justeru, jurang lainnya ialah isteri boleh menuntut hak di mahkamah jika si suami mendapatkan kebenaran isteri untuk bernikah lain. Bagi suami yang bekerja maka status ekonominya boleh di rujuk daripada majikan. Turut disampaikan hujah di mana lelaki yang bekerja sendiri serta tidak mempunyai pendapatan yang tetap jelas menunjukkan bahawa lelaki tersebut dari aspek ekonomi tidak mampu untuk menyara lebih dari satu isteri.

Oleh itu, NGO menyeru agar ada statistik yang jelas dan tepat berkenaan jumlah pernikahan yang dijalankan di luar negara agar suatu garis panduan dapat diwujudkan bagi melindungi hak wanita dan anak-anak yang teraniaya. NGO turut menambah bahawa perkahwinan bukan tentang nak seronok sahaja, tetapi ada tanggungjawab yang besar yang harus digalas dan perlu diambil sepenuh perhatian. Justeru, pengumpulan data statistik yang lebih mendalam dan menyeluruh mengenai pernikahan yang melibatkan anak-anak atau pasangan warga asing adalah sangat penting untuk merumuskan dasar yang lebih berkesan. Dengan data yang tepat dan terkini, pihak berkuasa dan pembuat dasar dapat menganalisis trend terkini, mengenalpasti masalah, dan merancang langkah-langkah pencegahan yang lebih tepat untuk melindungi kelompok masyarakat yang berisiko.

Pihak JAKESS memberi maklum balas kepada persoalan mengenai pengumpulan statistik dengan menyatakan beberapa data statistik di negeri Selangor iaitu;



Seterusnya, terdapat "*silent case*" di mana pernikahan dan perceraian berlaku di luar negara. Kes seumpama ini amat menyukarkan keadaan kerana kesan pernikahan seperti ini anak-anak menanggung kesusahan seperti tidak mempunyai surat beranak atau sebarang dokumentasi selain wanita tersebut tidak dapat menuntut harta sepencarian, faraid dan nafkah dan lain-lain. Kes seperti ini banyak diterima oleh pihak mahkamah dan golongan wanita melihat jalan buntu tidak tahu bagaimana untuk berhadapan dengan situasi sebegini.



## KECICIRAN DALAM PENDIDIKAN

Terdapat kes anak-anak yang tercacir daripada mengikuti pendidikan atau erti kata lain untuk bersekolah kerana terpalit dalam isu-isu seperti sumbang mahram, di mana terdapat satu kes yang berlaui di Port Dickson baru-baru ini, menurut YB Puan Anfaal, anak remaja berumur 18 tahun ini terlibat dalam kes sumbang mahram bersama ayahnya di mana beliau melahirkan 2 orang bayi hasil daripada hubungan tersebut. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa terdapat "Loophole" dalam integrasi sistem statistik kita yang sedia ada dan apakah solusi yang lebih efektif dalam menangani kes seumpama ini. Mengambil contoh kes oleh YB Puan Anfaal, jika terdapat suatu sistem yang bersifat centralised maka kita boleh mengesan anak-anak yang didaftarkan atau mempunyai sijil lahir untuk menangani silent case. Wakil daripada NGO turut menyampaikan pandangan beliau di mana kes-kes seperti ini banyak berlaku dipusat jagaan, di mana terdapat ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka tanpa sijil lahir yang menyukarkan pihak pusat jagaan untuk mendaftarkan anak-anak ini di alam persekolahan. Terdapat juga kes ibu bapa yang sudah berkahwin namun dengan sengaja enggan mendaftarkan perkahwinan mereka. Seterusnya, anak-anak yang tidak mempunyai surat beranak dan bagi pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran, apakah solusi yang efektif untuk menyelesaikan kes seumpama ini. Pentingnya ada enakmen bagi menangani kes seperti ini kerana dengan adanya undang-undang maka adanya penguatkuasaan.

## TATACARA PEMUTIHAN UNTUK BUKAN WARGANEGARA



Menyediakan garis panduan prosedur pemutihan yang lebih efektif dan efisien untuk bukan warganegara yang berkahwin dengan warganegara Malaysia bukan sahaja dapat membantu dalam melindungi hak mereka, tetapi juga mengurangkan risiko isu undang-undang yang mungkin timbul akibat ketidakpastian status pernikahan. Prosedur yang lebih jelas dan mudah di akses dapat memastikan bahawa pasangan tersebut dapat menikmati hak dan perlindungan yang sama seperti warganegara lain.

Walaupun begitu, JAIS memberi maklum balas berkenaan perkara pemutihan ini dimana suatu program pemutihan yang dilaksanakan oleh JAIS terdahulu menunjukkan kurangnya sambutan, maka pihak JAIS melihat situasi ini sudah menjangkau diluar undang-undang, namun ia lebih kepada sikap peribadi seseorang individu tersebut.

Seterusnya, JAIS menjalankan pula suatu program berkenaan program kesedaran bagi wanita yang bakal menjadi isteri kedua. Oleh itu, proses untuk memudahkan urusan bagi pasangan nikah sindiket dilihat sebagai tidak adil oleh pihak JAKIM dengan mengambil kira pasangan yang bernikah dengan kebenaran.



## PERNIKAHAN BERDASARKAN STATUS EKONOMI

Membenarkan pernikahan berdasarkan latar belakang kewangan lelaki bertujuan untuk memastikan bahawa hanya individu yang mampu secara kewangan yang dapat berpoligami, yang seterusnya dapat mencegah situasi di mana isteri terpaksa menanggung beban kewangan yang tidak wajar akibat daripada poligami. Langkah ini juga menggalakkan lelaki untuk bertanggungjawab dalam pernikahan mereka, memastikan bahawa mereka dapat menyediakan sokongan yang mencukupi kepada semua pasangan mereka yang terlibat. Justeru tiada seorang pun pasangan isterinya yang tercicir daripada pemberian nafkah kewangan.

## ALTERNATIF UNTUK HAK NAFKAH ANAK

Menyediakan alternatif yang lebih kukuh bagi wanita dalam mendapatkan hak nafkah anak daripada lelaki yang tidak bertanggungjawab adalah penting untuk memastikan bahawa anak-anak dapat menikmati kehidupan yang stabil dan selesa. Dengan adanya langkah-langkah yang jelas dan efektif dalam penguatkuasaan hak nafkah, maka ini secara tidak langsung dapat membantu memastikan bahawa kebajikan anak-anak diutamakan dan tanggungjawab kewangan dipenuhi.

## SOLUSI UNTUK PASANGAN YANG TIDAK MENDAFTAR

Menyediakan pilihan dan panduan yang jelas bagi pasangan yang tidak mendaftar pernikahan mereka adalah penting untuk memastikan hak-hak mereka dilindungi dan diiktiraf. Dengan memberikan sokongan dan maklumat yang tepat, kita dapat membantu pasangan tersebut memahami langkah-langkah yang perlu diambil untuk mendapatkan pengiktirafan sah,

sekaligus mengurangkan risiko komplikasi undang-undang di masa hadapan. Selain daripada itu, pasangan yang tidak mendaftar ini perlu diberikan sokongan agar mereka tidak gentar dan ragu-ragu untuk datang di mana-mana pejabat kerajaan untuk mendaftarkan pernikahan mereka. Ini kerana menurut pemegang taruh, ramai pasangan telah dimomokkan dengan ketakutan kerana telah melanggar undang-undang sedia ada, takut dedenda, tidak berkemampuan untuk membayar denda serta pelbagai lagi stigma dan persepsi negatif yang mereka sendiri alami.

### ISU INTEGRITI DALAM KALANGAN KAKITANGAN PEGAWAI AGAMA

Memastikan integriti yang tinggi dalam kalangan pegawai agama yang terlibat dalam proses nikah sindiket adalah kritikal untuk mengekalkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pernikahan dan hukum syariah. Justeru itu hendaklah kita mengesan di mana silap dan punca kepada permasalahan nikah sindiket ini mudah berlaku. Langkah-langkah pemantauan dan pendidikan yang berterusan perlu diperkenalkan untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai ini tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang merugikan masyarakat dan sebaliknya berfungsi untuk melindungi hak-hak individu yang terlibat, sekaligus menurunkan kadar pernikahan sindiket dan pernikahan yang berlangsung di negara jiran.

### LITERASI UNDANG-UNDANG DALAM KALANGAN WANITA

Mendidik ibu bapa dan penjaga tentang hak-hak wanita dalam perkahwinan adalah penting untuk memastikan mereka dapat melindungi anak perempuan mereka daripada sebarang fenomena ketidakadilan. Dengan meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya ibu bapa dan penjaga mengenai undang-undang agar hak-hak wanita dapat dilindungi, secara signifikannya kita dapat mengurangkan kes-kes ketidakadilan dan penindasan yang mungkin berlaku dalam institusi pernikahan. Turut memberikan maklum balas adalah wakil daripada NCWO tentang "educate our women" dalam aspek undang-undang amat penting dan pendidikan undang-undang ini hendaklah diberikan kepada golongan lelaki juga selain daripada mencari punca permasalahan ini misalnya siapa disebalik nikah sindiket ini. Program atau latihan literasi undang-undang ini lebih baik dilaksanakan untuk negeri seluruh Malaysia. Ini kerana wanita antara golongan yang kurang cakna undang-undang serta hak mereka serta merentasi kepada bukan Islam agar kesaksamaan dapat diberikan kepada semua golongan. Beliau turut menambah bahawa dalam membela nasib golongan kurang bernasib baik ini hendaklah pembuat keputusan turut melihat kepada golongan M40 agar mereka tidak tercicir dalam sebarang bentuk bantuan dan sokongan terutama dari aspek enakmen selain kita meraikan golongan B40 yang sememangnya golongan rentan yang harus diberikan perhatian.

## PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Memahami bahawa undang-undang sentiasa berkembang mengikut keadaan semasa adalah penting untuk memastikan bahawa kita dapat memberikan solusi yang kreatif dan relevan terhadap isu-isu yang dihadapi. Ini kerana tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat kita di Malaysia begitu kreatif dalam konteks isu pernikahan sindiket dan poligami tanpa kebenaran ini. Masyarakat sentiasa mempunyai idea yang berani tanpa memikirkan akibatnya untuk menembusi undang-undang pernikahan yang sedia ada. Justeru, dengan mencadangkan perubahan yang berani dan sesuai dengan realiti masyarakat, kita dapat mencipta satu sistem yang lebih adil dan saksama bagi semua pihak.

## PENCERAIAN HASIL DARIPADA BERLAKUNYA POLIGAMI

Pemeriksaan lelaki untuk mengambil tanggungjawab dalam perkahwinan mereka adalah langkah yang perlu diambil untuk mengatasi isu perceraian yang timbul akibat poligami. Program pendidikan yang ditawarkan oleh agensi seperti JAIS dapat membantu lelaki memahami tanggungjawab mereka dan memberikan sokongan kepada pasangan mereka, seterusnya mendorong kepada hubungan yang lebih harmoni.

## KOMITED MENAMBAHBAIK SILIBUS KURSUS PERKAHWINAN

Betapa pentingnya agar penambahbaikan silibus kursus perkahwinan di negeri ini dapat ditingkatkan kualiti kandungan pembelajaran dan tenaga pengajar. Seterusnya, suatu usaha untuk memperhalusi bagi tempoh kursus tersebut adalah perlu dalam memastikan bahawa pasangan yang akan berkahwin dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kehidupan berumah tangga. Dengan penambahbaikan yang berkualiti tinggi dan mencapai standard antarabangsa maka secara kolektifnya kita bersetuju bahawa usaha ini dapat mengurangkan risiko perceraian sebaliknya mampu meningkatkan kualiti perkahwinan dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

## PEMBENTANGAN RESOLUSI DAN PENUTUP

Justeru, resolusi perbincangan meja bulat kali ini menggariskan beberapa perkara iaitu menangani isu-isu berkaitan perkahwinan dan perceraian yang kompleks, dengan memberi penekanan kepada perlindungan hak penjagaan anak bagi memastikan kesejahteraan mereka dalam situasi perceraian. Seterusnya, proses perceraian perlu dipercepatkan dengan meminda prosedur yang ada untuk mengurangkan tempoh yang diperlukan bagi jawatankuasa pendamai dan hakim. Selain itu, proses mendapatkan nafkah selepas perceraian perlu dipermudahkan dengan menyediakan sistem sokongan yang lebih efisien. Pengurangan kadar kompaun bagi pasangan yang berkahwin di luar negara harus dipertimbangkan untuk menggalakkan pendaftaran pernikahan secara sah, serta meningkatkan kerjasama dengan NGO untuk melaksanakan program pendidikan mengenai isu nikah sindiket.

Pengumpulan data statistik yang lebih mendalam tentang pernikahan melibatkan anak-anak dan pasangan warga asing adalah penting untuk merumuskan dasar yang lebih berkesan. Prosedur pemutihan bagi warganegara yang berkahwin dengan warga asing perlu dipermudahkan untuk melindungi hak mereka. Di samping itu, kriteria kewangan perlu diperkenalkan agar lelaki yang bercadang hendakberpoligami adalah mereka yang mampu dari aspek kewangan. Penyediaan mekanisme yang kukuh untuk memastikan wanita memperoleh hak nafkah anak juga diperlukan, serta sokongan bagi pasangan yang tidak mendaftar pernikahan mereka agar hak-hak mereka terjamin. Memastikan integriti pegawai agama yang terlibat dalam proses nikah sindiket melalui langkah pemantauan adalah kritikal, bersama dengan pendidikan literasi undang-undang untuk meningkatkan kesedaran tentang hak-hak wanita.



Perkembangan undang-undang yang dinamik diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan sosial, selain daripada usaha pemerkasaan lelaki melalui program pendidikan dapat meningkatkan tanggungjawab mereka dalam alam perkahwinan. Sebagai tambahan adalah trainers dilatih agar lebih professional dan memperkemaskan lagi kursus perkahwinan dengan kadar yang segera agar setiap pasangan cakna tanggungjawab masing-masing sebagai suami isteri. Seterusnya, penguatkuasaan undang-undang yang baik bukan semata-mata ada undang-undang sedia ada tetapi dipandang sepi oleh segelintir pihak.

YB Puan Anfaal dalam penggulungan resolusi beliau menyampaikan kebimbangan berkenaan "*silent cases*" seperti yang dibincangkan sebelumnya dan memerlukan intervensi yang menyeluruh agar pembelaan anak-anak dapat dilaksanakan serta selain mengelakkan berlakunya sebarang bentuk penderaan kepada kanak-kanak terlibat. Beliau turut mengambil contoh sistem yang sistematik seperti "PADU" di mana kita boleh mengesan anak-anak yang tidak mendaftar perkahwinan melalui sistem yang dibangunkan itu kelak. YB Puan Anfaal menambah berkaitan perkahwinan rakyat tempatan bersama warga asing yang harus dipantau agar tidak menjadi mangsa "*Scam Cinta*".

Selain menyediakan akses pendidikan literasi undang-undang serta tanggungjawab berumah tangga yang harus diberikankan kepada pasangan warga asing ini. Seterusnya cadangan oleh pemegang taruh seperti yang diusulkan oleh Datuk Dr Harlina untuk mengadakan perbincangan seumpama ini pada masa hadapan agar turut melibatkan juga golongan lelaki memandangkan sesi pada kali ini menyaksikan ramai wanita, baik wakil daripada kerajaan negeri, badan-badan bukan kerajaan, pakar bidang, badan pemikir dan ahli akademik. Oleh itu penting untuk para lelaki memberikan pendapat mereka bagi memastikan keseimbangan dalam menambahbaik sesuatu undang-undang.

YB Puan Anfaal menyimpulkan ucapan penutup resolusi dengan harapan agar perbincangan meja bulat bersama pelbagai latar belakang pemegang taruh dalam membincangkan isu nikah sindiket dan poligami tanpa kebenaran ini akan membuah hasil yang memberangsangkan dan menjadikan Selangor sebagai sumber rujuk dalam menyokong Undang-Undang Keluarga Islam khususnya dalam isu nikah sindiket dan poligami tanpa kebenaran.





**JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA,  
KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN EKONOMI PENJAGAAN (CARE ECONOMY)  
NEGERI SELANGOR**

Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.

LEVEL G30 BANGUNAN IDCC,  
JALAN PAHAT L 15/L, SEKSYEN 15, 40200  
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN



@WANITABERDAYASELANGOR